

Kelayakan Peguam Syarie.

Peraturan 9

Seseorang yang memohon untuk menjadi Peguam Syariah hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut-

- (a)
 - (i) beragama Islam dan telah lulus peperiksaan akhir yang membawa kepada ijazah sarjana muda Syariah daripada Universiti Al-Azhar atau mana-mana institusi pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri; atau
 - (ii) adalah seorang peguambela atau peguamcara beragama Islam yang didaftarkan di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 [*Akta 166*]; atau
 - (iii) telah berkhidmat sebagai Kadi dengan mana-mana Kerajaan Negeri di dalam Malaysia selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun;
- (b) telah mencapai umur dua puluh satu tahun;
- (c) berkelakuan baik dan-
 - (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah;
 - (ii) tidak pernah dihukum menjadi bankrap;
- (d) warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; dan
- (e) sebagai peguambela dan peguamcara, telah lulus peperiksaan Sijil Peguam Syariah.